

Penterjemahan di Malaysia Cabaran dan Pengalaman Mutakhir

Buku ini menghimpunkan perkongsian pengalaman beberapa penterjemah profesional dalam menghabiskan kerja penterjemahan mereka. Jerih payah yang mereka tempuhi, susah senang yang dialami, pelbagai strategi yang mereka cipta dalam menyiapkan kerja penterjemahan dikongsikan dalam buku ini. Dalam buku ini juga beberapa orang ahli akademik dalam bidang penterjemahan turut berkongsi ilmu dan teori serta hikmah yang mereka miliki untuk manfaat pembaca. Sesetengah isu, persoalan, pengalaman yang mereka paparkan adalah yang bersifat baharu kerana mereka membawakan kisah dan realiti sebenar yang dilalui apabila menggunakan mesin penterjemahan paling mutakhir dan canggih dalam era masa kini. Pengalaman penerbit yang baru muncul dalam kerja-kerja penterjemahan juga dapat diketahui dengan membaca buku ini.

ROOSFA HASHIM, penyunting buku ini ialah Pengarah IIUM Press, antara penerbit universiti dan pengeluar buku ilmiah yang aktif di Malaysia. Beliau berpengalaman luas dalam bidang penerbitan dan menjadi fasilitator banyak bengkel penulisan dan penyuntingan bagi melahirkan lebih ramai petugas penerbitan yang mahir dan berpengetahuan. Roosfa telah menerbitkan beberapa buah buku panduan penulisan dan penerbitan.

ISBN 978-967-491-328-1



IIUM Press

- (603) 6421 5014 / 5018
- (603) 6421 6298
- iiumbookshop@iium.edu.my
- bookshop.iium.edu.my
- www.facebook.com/iiumpress
- www.instagram.com/iium_press
- https://twitter.com/PressIium



IIUM
Press



Penyunting
ROOSFA HASHIM



IIUM
Press

Penterjemahan di Malaysia Cabaran dan Pengalaman Mutakhir

Penyunting
ROOSFA HASHIM



Penterjemahan di Malaysia

Cabaran dan Pengalaman Mutakhir

Penterjemahan di Malaysia
**Cabaran dan
Pengalaman
Mutakhir**

Penyunting
ROOSFA HASHIM



**IIUM
Press**

Gombak • 2023

Cetakan Pertama, 2023

© IIUM Press, IIUM

IIUM Press ialah ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia – MAPIM

(Malaysian Scholarly Publishing Council)

Persatuan Penerbit Buku Malaysia - MABOPA

(Malaysia Books Publisher Association)

No. Ahli - 201905

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Penterjemahan di Malaysia : cabaran dan pengalaman mutakhir / penyunting,
Roosfa Hashim

ISBN 978-967-491-328-1

E-ISBN 978-967-491-331-1

1. Translating and interpreting–Malaysia

2. Translators–Malaysia

I. Roosfa Hashim, 1962- editor

P306.8.M4

418.02

Diterbitkan di Malaysia oleh

IIUM Press

International Islamic University Malaysia

P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Diaturhuruf dan dicetak di Malaysia oleh

Reka Cetak Sdn Bhd

No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D

Seksyen 16, 40200 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5510 4254 Faks: 03-5510 4059

E-mel: rekacetak83@gmail.com

www.rekacetak.com

K A N D U N G A N

<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Kata Pengantar Rektor UIAM</i>	<i>xi</i>

BAHAGIAN 1: CABARAN MUTAKHIR BIDANG PENTERJEMAHAN

BAB 1	Membina Kepustakaan Melalui Terjemahan ABDULLAH HASSAN	1
BAB 2	Korpora Selari dan Buku Dual Bahasa Melayu ROSLINA OTHMAN	14
BAB 3	Pengalaman Mengendalikan Bidang Penterjemahan: Cabaran dan Inisiatif serta Hala Tuju ITBM SAKRI ABDULLAH	21
BAB 4	Penterjemahan Cerita Rakyat Melayu Untuk Golongan Kanak-Kanak: Kajian Kes ITBM 1993-2008 NOR IDATUL AKMAR ZULKIPLI & HASLINA HAROON	30
BAB 5	Cabaran Projek Buku Terjemahan IIUM Press Sempena KIWBC2020 dan Pandemik COVID-19 ROOSEFA HASHIM, AHMAD ZAHIRUDDIN MOHD ZABIDI & NIK ZAINUN NIK MOOD	43

- BAB 6** Cabaran Pasca Penyuntingan Terjemahan Mesin Kepada Bahasa Inggeris Daripada Berita Bahasa Melayu Singapura dan Laman Sesawang Forum
ROSLINDAWATI HARON & MOHD AZLAN AHMAD 51

BAHAGIAN 2: PENGALAMAN PENTERJEMAHAN

- BAB 7** Keutamaan Dalam Tema Terjemahan Dalam Bahasa Malaysia Persepsi Motivasi dan Perencat Di Kalangan Bakal Penterjemah Akademik
YUSOF ISMAIL DAN SUHAIMI MHD SARIF 63
- BAB 8** Pengalaman Menterjemah dan Menyunting Karya Besar Dunia: Integrasi Aspek Logik, Semantik dan Pragmatik
ZAHARI MAHMUD 79
- BAB 9** Pengalaman Sulung Menterjemah Buku Separa Akademik Bahasa Melayu Bertemakan Halal ke Bahasa Inggeris: Motivasi, Cabaran dan Strategi
YUMI ZUHANIS HAS-YUN HASHIM 94
- BAB 10** Terjemahan Metafora Dalam Novel *Majdulin* Karya Almanfaluti
MUHAMMAD ANWAR AHMAD DAN NURSAFIRA AHMAD SAFIAN 103
- BAB 11** Cabaran Menterjemah Teks Opera Cina Daripada Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu: Dari Persepsi Penterjemah Berbangsa Melayu
ROSLINDAWATI HARON DAN MOHD AZLAN AHMAD 111

BAHAGIAN 3: CABARAN DAN BUDAYA

- BAB 12** Pemikiran Kritis dan Kreatif Dalam Terjemahan Kisah Rakyat Negara Jepun
SITI INARAH HASIM@HASHIM DAN NURUL ANUAR KARI @ KHARI 127

KANDUNGAN

BAB 13	Aspek Budaya, Sejarah dan Agama Dalam Penterjemahan Novel <i>Manuscript Found In Accra</i> Ke Dalam Bahasa Melayu IRNI FAZRITA FARID	135
BAB 14	Prosedur dan Strategi Dalam Terjemahan Elemen Budaya Melayu Ke Dalam Bahasa Inggeris HASLINA HAROON	145
BAB 15	Penelitian Aspek Budaya Dan Sejarah Dalam Proses Terjemahan Debu Hiroshima Daripada Bahasa Melayu Kepada Bahasa Inggeris ATIKAH HALIM	157
	<i>Indeks</i>	171



PRAKATA

Bersempena dengan Kuala Lumpur World Book Capital 2020 (KLWBC2020), IIUM Press telah melaksanakan Projek Buku Terjemahan IIUM sejak Jun 2019 dengan matlamat untuk menterjemah dan menerbitkan buku dari pelbagai negara dan bahasa bagi menyediakan lebih banyak bahan bacaan kepada semua peringkat umur. Projek ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P., Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pada 27 Ogos 2020 di Mayor's Courtyard, Jalan Tangsi KLWBC2020, Kuala Lumpur. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah bengkel terjemahan, sesi bual bicara buku dalam talian dan jerayawara IIUM Press. Penganjuran aktiviti ini telah menunjukkan kemampuan penterjemah untuk menterjemahkan buku dalam pelbagai genre dan bahasa. Buku ini ialah himpunan kertas kerja terpilih daripada seminar penterjemahan kebangsaan yang di adakan pada 2021. Seminar ini telah diadakan dalam bentuk kertas pembentangan kertas kerja mengikut sesi yang ditetapkan dan para peserta diberi peluang untuk sesi soal jawab.

“Pengalaman dan Cabaran Mutakhir Penterjemahan di Malaysia” telah diangkat sebagai tema seminar ini memandangkan telah agak lama tidak dibincangkan dan dibahaskan tentang status serta kedudukan bidang penterjemahan di negara ini. Oleh yang demikian kami telah meletakkan beberapa objektif bagi seminar ini. Ini termasuklah yang pertama, untuk menyediakan pentas kepada penterjemah untuk berdebat, bertukar pendapat dan berkongsi idea, pengetahuan, pengalaman dalam kerja-kerja penterjemahan bagi meningkatkan kualiti terjemahan. Dengan

itu dapatlah peserta seminar maklum akan pelbagai isu yang sedang melanda industri penterjemahan di negara ini.

Kedua, dengan berhimpunnya ramai penggiat bidang penterjemahan dalam seminar ini maka ini dapatlah mereka memberikan pandangan bagi memajukan bidang penterjemahan di negara ini. Salah satu kesannya ialah bagi menyuburkan kegiatan penterjemahan dan akan dapat melahirkan lebih ramai penterjemah yang mempunyai kemahiran terjemahan merangkumi semua aspek pengetahuan dalam bidang terjemahan. Selanjutnya seminar ini juga diadakan bagi menggalakkan penerbitan karya terjemahan dalam pelbagai genre sebagai bahan bacaan kepada masyarakat dan pasaran global.

Bagi memfokuskan perbincangan dalam seminar ini kami telah menetapkan skop perbincangan kepada beberapa subtema iaitu, terjemahan dan budaya, terjemahan dan etika, teknologi terjemahan, terjemahan cerita rakyat, terjemahan buku agama, terjemahan biografi dan tema - tema lain yang berkaitan dengan bidang penterjemahan.

Kami telah menerima sejumlah kertas kerja yang baik dan telah memilih yang sesuai sahaja untuk diterbitkan dalam buku ini. Penyuntingan telah dilakukan agar persembahan semua bab dalam buku ini menjadi bertaut, koheren dan mengalir dengan baik supaya dapat dibaca dan dinikmati kandungannya oleh pembaca yang meluas.

KATA PENGANTAR

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

Pertamanya, bersyukur kita ke hadrat Allah (swt) kerana dengan izin dan limpah kurnianya kita dapat bertemu di Seminar Penterjemahan Kebangsaan (SPK) yang diadakan melalui talian pada pagi ini. Sungguhpun kita berada dalam fasa PKPB yang membataskan kita untuk bersemuka, namun seminar ini masih dapat diadakan, *Alhamdulillah*.

Ucapan selamat datang dan terima kasih diucapkan kepada semua hadirin sekalian kerana sudi menjayakan program seminar ini terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Roosfa Hashim, Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Encik Sakri Abdullah dan Puan Rosidah Ismail dan Prof. Dr. Roslina Othman. Ucapan terima kasih juga kepada semua peserta seminar yang hadir secara dalam talian untuk berbincang secara ilmiah dan berkongsi pengalaman mengenai isu-isu penterjemahan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar ini iaitu dari Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Perpustakaan Kuala Lumpur, Sekretariat KLBWC2020, Jabatan Perpustakaan & Sains Maklumat (UIAM), dan IIUM Press.

Seperti yang diperkatakan oleh Professor Peter Newmark, dari University Surrey, England (seorang perintis yang menjadikan isu terjemahan sebagai kajian akademik pada abad kedua puluh ini. Buku-bukunya banyak dibaca termasuklah buku berjudul *A Textbook of Translation* dan *Approaches to Translation*). Menurut beliau, *'The is no such thing as a perfect, ideal or 'correct' translation. A translator is always trying to extend his*

knowledge and improve his means of expression; he is always pursuing facts and words,’ (Tiada terjemahan yang sempurna, ideal atau ‘betul’. Seorang penterjemah sentiasa berusaha untuk memperluaskan pengetahuannya dan meningkatkan kaedah ungunya; dia akan selalu mencari fakta-fakta dan perkataan-perkataan). Menurut Anthony Burgees pula, *‘Translation is not a matter of words only: It is a matter of making intelligence a whole culture,’* (Terjemahan bukan sekadar perkara berkaitan perkataan: Ia adalah mengenai penerapan intelektual dalam keseluruhan budaya). Semoga dengan kata-kata ini akan memberi inspirasi kepada kita semua dan semoga usaha kita semua akan diberkati Allah (swt). Inilah satu kegiatan yang dapat menyalurkan ilmu terbaru kepada masyarakat melalui saluran penterjemahan dari bahasa asing ke bahasa ibunda, tujuannya adalah supaya ilmu-ilmu pengetahuan dapat dinikmati oleh masyarakat. *Insha Allah.*

Saya difahamkan seminar ini telah berjaya menghimpunkan lebih 20 kertas kerja. Ini satu kejayaan yang besar yang mana ia sejajar dengan hasrat kita untuk mengembangkan lagi bidang penterjemahan ini. Semoga semua ini akan menjadi satu landasan yang baik untuk menyampaikan kajian masing-masing untuk memberi menafaat kepada manusia sejagat. Oleh itu, selepas pelaksanaan seminar ini, besarlah harapan kami sekiranya hadirin sekalian dapat mula memperbanyak usaha penterjemahan buku yang berdaya saing dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Seterusnya, perlunya bertindak secara agresif untuk menterjemahkan karya penting kebangsaan ke bahasa lain khususnya ke Bahasa Inggeris dan Arab. Begitu juga untuk menjadikan perkhidmatan kejurubahasaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai agenda yang utama. Dan akhir sekali, untuk melahirkan penterjemah pelapis yang cemerlang dan berkemahiran tinggi yang mungkin boleh dilatih bermula dari peringkat Universiti lagi. Isu-isu penterjemahan ini boleh didedahkan di dalam subjek teras Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.

Semoga pertemuan dalam seminar ini akan dapat menghasilkan resolusi yang baik untuk dilaksanakan. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan IIUM Press, Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Encik Sakri Abdullah, Puan Rosidah Ismail, Prof. Dr. Roslina Othman dan semua pihak-pihak yang terlibat untuk menjayakan seminar ini iaitu dari Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Perpustakaan Kuala Lumpur, Sekretariat KLBWC2020, Jabatan Perpustakaan & Sains Maklumat (UIAM), dan IIUM Press.